

Aplikasi Sustainable and Responsible Investment (SRI) melalui Pelaksanaan Sukuk Hijau di Malaysia

Norhayati Abdullah

Pusat Pengajian dan Penyelidikan Kewangan Islam (UNISHAMS-CIFER)
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)
09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia

Abstrak: Evolusi dalam penerbitan sukuk sebagai instrumen utama dalam pasaran modal Islam semakin berkembang saban hari. Bermula dengan struktur yang ringkas kemudian beralih kepada struktur hibrid. Kini wujud pula terma “sukuk hijau” yang mula popular di Malaysia pada tahun 2017. Sukuk hijau ini diaplikasikan dalam pelaksanaan *Sustainable and Responsible Investment (SRI)* sebagai sumber pendanaan untuk mengerakkan projek-projek di bawah SRI. Justeru artikel ini ingin mengenalpasti apakah projek-projek sukuk hijau yang boleh diaplikasikan dalam SRI, serta melihat adakah terdapat projek-projek yang telah dilaksanakan dalam kategori sukuk hijau SRI. Kajian ini dijalankan berdasarkan maklumat yang dikumpulkan menerusi penerbitan semasa dalam dan luar Negara. Hasil daripada kajian ini dapat memberi penjelasan kepada masyarakat terutamanya penerbit sukuk dan pelabur untuk memahami secara asas berkenaan sukuk hijau dan projek-projek berkaitan SRI.

Kata Kunci: *Sukuk Hijau, Sustainable and Responsible Investment (SRI).*

PENGENALAN

Inovasi dalam penerbitan sukuk bermula daripada sukuk yang ringkas kepada sukuk hibrid sejak ia pertama kali diterbitkan di Malaysia pada tahun 1990. Ekoran kejayaan pendanaan melalui sukuk, Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia melalui Pelan Induk ke-2 Pasaran modal telah memperkenalkan suatu rangka kerja baharu yang dikenali sebagai sukuk *Sustainable and Responsible Investment (SRI)* [1]. Fokus utama SRI adalah isu penjagaan dan kelestarian alam sekitar. Justeru sukuk hijau adalah instrumen penting dalam menyokong pertumbuhan positif SRI dalam pasaran masa kini [2].

Sukuk hijau adalah pelaburan yang mematuhi Syariah dalam tenaga yang boleh diperbaharui dan aset alam sekitar yang lain. Dana sukuk akan digunakan untuk memelihara alam sekitar dan sumber alam, memelihara penggunaan tenaga, mempromosikan teknologi yang boleh diperbaharui dan mengurangkan pelepasan gas rumah kaca [2].

Sukuk hijau merupakan suatu instrumen baharu dalam kewangan Islam yang memerlukan keyakinan oleh para pelabur. Ini menjadi cabaran untuk meyakinkan pelabur terhadap potensi sukuk hijau dalam memberi

impak sosial terhadap alam sekitar dan manfaat kepada ekonomi Negara. Justeru pasaran perlu menyediakan maklumat yang telus dan boleh dipercayai bagi meningkatkan lagi penyertaan penerbit sukuk (*originator*) dan pelabur dalam pasaran sukuk hijau. Memandangkan sukuk hijau masih baharu, maka artikel ini lebih bersifat konseptual untuk memberi penjelasan kepada peserta pasaran tentang pelaksanaan sukuk hijau. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti kesesuaian projek di bawah SRI serta menyenaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan di bawah SRI. Secara tidak langsung, dapat mengenal pasti kecenderungan projek-projek SRI di Malaysia.

MENGENALPASTI KESESUAIAN PROJEK DI BAWAH SRI

Pada tahun 2014, Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah menyemak semula garis panduan penerbitan sukuk dengan memasukkan keperluan baharu untuk penerbitan sukuk hijau SRI. Garis panduan baharu ini menggariskan tentang hasil sukuk hijau boleh digunakan untuk memelihara kelestarian alam sekitar dan sumber alam, memelihara penggunaan tenaga, mempromosikan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui serta mengurangkan kesan pelepasan gas rumah kaca. SC turut menyenaraikan kelayakkan bagi

Corresponding Author: Norhayati Abdullah, Pusat Pengajian dan Penyelidikan Kewangan Islam (UNISHAMS-CIFER) Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) 09300 Kuala ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia.

projek SRI. Antara projek-projek yang bersesuaian dengan matlamat SRI diringkaskan dalam Jadual 1. Selain itu, projek-projek yang menumpukan kepada mencari tenaga yang diperbaharui, projek-projek berkaitan pembangunan aset wakaf dan program meningkatkan taraf ekonomi masyarakat juga boleh dimasukkan ke dalam projek SRI.

Jadual 1: Klasifikasi Projek yang sesuai di bawah SRI

| Sumber Asli | Tenaga Boleh Diperbaharui | Pengembangan Ekonomi dan Komuniti | Aset Wakaf |
|---|---|--|------------------------|
| Penggunaan tanah lestari | Tenaga baharu yang boleh diperbaharui atau sedia ada | Perkhidmatan awam/perubahan | Pembangunan harta/aset |
| Perhutanan atau pertanian yang mampan | System penjanaan kuasa dan transmisi yang cekap | Perkhidmatan pendidikan awam (contoh: Sukuk Ihsan) | |
| Pemeliharaan biodiversity | Kecekapan tenaga yang mengakibatkan pengurangan pelepasan gas rumah kaca atau penggunaan tenaga per unit output | Perkhidmatan komuniti | |
| Pemulihan dan pembangunan semula tapak tercemar | | Pemulihan Bandar (urban revitalisation) | |
| Infrastruktur air, rawatan dan kitar semula | | Projek bangunan lestari | |
| Projek pengurusan sisa mampan | | Perumahan mampu milik | |

Sumber: Mohamed Azam Mohd Adil [2]

Malaysia telah berjaya mempelopori penstrukturan sukuk SRI dalam dominasi Ringgit bagi membiayai tanggungjawab sosial dalam bidang wakaf pendidikan. Usaha ini telah dijalankan oleh Khazanah Nasional Bhd melalui syarikat bertujuan khas (SPV) iaitu Ihsan Sukuk Bhd. untuk menerbitkan sukuk SRI. Sukuk ini diterbitkan bagi membiayai program-program berkait

dengan pendidikan misalnya membiayai program Sekolah Amanah di bawah kendalian Yayasan Amir (YA) [1].

SENARAI PROJEK-PROJEK DI BAWAH SRI

Sukuk hijau, seperti instrumen SRI lain, adalah saluran pendanaan yang memainkan peranan penting dalam pemeliharaan alam sekitar dan perubahan iklim. Wujud keserasian yang kukuh antara sukuk dan pembiayaan projek hijau kerana kedua-duanya berasaskan prinsip pelaburan yang bertanggungjawab dan pembiayaan beretika.

Pada peringkat permulaan, projek SRI sukuk lebih tertumpu kepada penghasilan tenaga boleh diperbaharui (kuasa solar). Setakat ini, lima sukuk hijau telah diterbitkan oleh syarikat-syarikat solar di Malaysia bagi membiayai projek kuasa solar bernilai RM886.8 juta sejak Julai 2017. Projek-projek ini telah dijalankan di beberapa negeri di Malaysia. Manakala terbitan pertama sukuk hijau oleh Danajamin Bhd¹. menandakan sokongan syarikat ini dalam menyokong projek-projek infrastruktur mampan alam sekitar di Malaysia. Projek-projek sukuk hijau di Malaysia diringkaskan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Senarai projek-projek sukuk hijau yang telah dilaksanakan

| Tahun | Syarikat-Projek | Nilai | Lokasi |
|------------|---|-------------|--------------|
| Julai 2017 | Green SRI Sukuk Tadau (Pembinaan fotovoltaik solar) | RM 250 juta | Kudat, Sabah |
| Oktober | Quantum Solar | RM 1 3 | Daerah |

¹ Danajamin Nasional Berhad merupakan sebuah syarikat Insurer Jaminan Kewangan pertama dan satu-satunya di Malaysia. Ditubuhkan pada Mei 2009 sebagai penjamin kewangan dan pemangkin untuk merangsang pembangunan pasaran bon/sukuk di Malaysia. Menyediakan Jaminan Kewangan untuk memudahkan syarikat-syarikat Malaysia yang berdaya maju memasuki pasaran Bon Korporat.

Danajamin dimiliki bersama oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (50%) dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) (50%) dan telah diberi penarafan AAA oleh RAM Rating Services Bhd (RAM) dan Malaysia Rating Corporation (MARC). CGC ialah sebuah institusi kewangan yang dimiliki majoriti oleh Bank Negara Malaysia.

| | | | |
|---------------|--|----------------------|---|
| 2017 | Park Malaysia Sdn Bhd (Pembinaan kilang fotovoltaik solar terbesar di Asia Tenggara) | bilion | (Gurun, Kedah, Jasin, Melaka dan Merchang Terengganu) |
| Disember 2017 | PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd (projek pembinaan Menara Merdeka (bangunan hijau) PNB118 bertaraf 83 tingkat) | RM 2 bilion | Jalan Stadium, Kuala Lumpur |
| Januari 2018 | Sinar Kamiri Sdn Bhd (pembangunan kemudahan fotovoltaik solar 49MW) | RM 245 juta | Sungai Siput, Perak |
| April 2018 | UiTM Solar Power Sdn Bhd (anak syarikat UiTM) Pembangunan dan operasi kilang solar 50MW | RM240 juta | Gambang, Pahang |
| Feb 2019 | Pasukhas Green Assets Sdn Bhd (Anak Syarikat Danajamin Nasional Bhd) - Asean Green SRI Sukuk -Hydropower plant | RM17 juta (20 tahun) | Sungai Rek, Kelantan |

Melihat kepada projek-projek yang telah dilaksanakan, Malaysia berada pada landasan yang betul untuk menjadi pemimpin dunia dalam SRI. Malaysia telah mengetuai dunia dalam pelaburan hijau menerusi pengenalan Sukuk Hijau SRI, disokong oleh sistem kewangan yang mematuhi Syariah, serta mendapat pengiktirafan kumpulan Bank Dunia. Penerbitan sukuk

hijau pertama berjumlah RM250 juta untuk projek solar kepada Tadau Energy dan RM1 bilion untuk Quantum Solar Park Malaysia, pengeluaran sukuk hijau terbesar di dunia untuk membina projek tenaga solar terbesar di Asia Tenggara, telah meletakkan Malaysia di peta dunia sebagai peneraju dalam SR [3].

Projek sukuk hijau ini tertumpu kepada penjaan tenaga yang diperbaharui menerusi tenaga solar. Ini kerana Malaysia boleh mengumpul tiga kilowatt per jam elektrik bagi setiap meter persegi daripada solar memandangkan berkedudukan negara ini berhampiran garisan Khatulistiwa. Selain itu, sumber tenaga yang diperbaharui ini memberi fokus kepada pembangunan tenaga solar, biogas, biojisim dan hidroelektrik. Bagi tenaga biojisim dan biogas, ia dapat dihasilkan menerusi sisa buangan yang terhasil dan dikumpulkan oleh pihak berkuasa tempatan selain daripada sisa buangan hasil pertanian seperti sekam padi dan hampas kelapa sawit [4].

Pelan Induk Teknologi Hijau [4] (GTMP) yang dilancarkan pada tahun 2017 telah menggariskan rancangan strategik teknologi hijau negara, bertujuan untuk mewujudkan ekonomi karbon rendah. GTMP meletakkan asas untuk pendekatan holistik terhadap pembangunan sosio-ekonomi, sambil mematuhi prinsip-prinsip kesinambungan, menggariskan inisiatif yang merangkumi enam sektor utama iaitu tenaga, pembuatan, bangunan, pengangkutan, sisa dan air [5].

Sektor tenaga di Malaysia telah jauh lebih matang daripada bergantung kepada bahan api fosil untuk mempelbagaikan sumber-sumber yang boleh diperbaharui. Maximus juga berkata Malaysia komited untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau daripada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK sehingga 45 peratus menjelang tahun 2030 mengikut Perjanjian Paris.

Usaha Malaysia dalam menjayakan SRI melalui penerbitan sukuk hijau ini turut disokong oleh Datuk Bandar London, Alderman Peter Estlin. Beliau mengiktiraf peranan dan pengetahuan Malaysia dalam penerbitan sukuk. Malaysia merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak 50 peratus daripada penerbitan global dan kumpulan terawal yang membawa pembaharuan sukuk hijau [6].

Namun, sebahagian besar terbitan sukuk hijau adalah penerbitan untuk pasaran domestik. Justeru syarikat-syarikat di Malaysia disarankan untuk menerbitkan sukuk untuk pasaran global selepas ini. Penembusan ke pasaran global adalah perlu jika Malaysia ingin mendapatkan sumber dana yang lebih besar. Persediaan

yang perlu dibuat bagi memasuki pasaran global sukuk hijau adalah memastikan dokumentasi memenuhi standard antarabangsa agar dapat melindungi bakal pelabur daripada aspek perlindungan risiko berkaitan risiko pembinaan. Serta disokong oleh tahap pengurusan risiko dan insurans yang sesuai [7].

Setakat ini, Malaysia masih mengekalkan kedudukannya sebagai penerbit sukuk global terbesar berjumlah US\$ 13.9 bilion (US\$1 = RM 4.10) daripada sukuk yang diterbitkan di peringkat global. Jadi tidak mustahil Malaysia juga boleh menjadi penerbit terbesar dalam kategori sukuk hijau [8].

KESIMPULAN

Penerbitan sukuk menjadi semakin menarik apabila ia memberi tumpuan kepada pembiayaan mampan. Sukuk hijau sememangnya sesuai dengan keperluan ke arah melestarikan alam sekitar dalam pelbagai sudut. Terdapat pelbagai projek yang boleh dibiayai oleh sukuk hijau sama ada dalam penjana sumber asli, tenaga yang boleh diperbaharui, sumbangan kepada masyarakat malahan dalam bidang aset wakaf. Walau bagaimanapun, jika Malaysia ingin menarik pelabur global, ia perlu menyediakan dasar pelaburan yang lebih jelas bagi memasuki pasaran global. Masih banyak peluang yang perlu diterokai oleh peserta pasaran. Tambahan pula, penerbitan sukuk hijau mendapat insentif pengecualian cukai untuk beberapa tahun lagi sebagaimana yang diumumkan dalam Bajet 2020. Impak dari sukuk hijau ini bukan sahaja diterima oleh para pelabur semata-mata, malahan memberi kebaikan kepada masyarakat dan sosial umumnya. Secara tidak langsung kelestarian alam semulajadi terus terpelihara untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

RUJUKAN:

[1] Md. Nurdin Ngadimon (2015),. Pembangunan Wakaf: Pendanaan Melalui Sukuk Sustainable And Responsible Investment (SRI). Kertas Kerja dibentangkan di Muzakarah Ahli Penasihat Syariah Institusi Kewangan Di Malaysia Kali Ke 11. Anjuran JAKIM, Di Dewan Persidangan Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia (BNM) Pada 12 November 2015.

[2] Mohamed Azam Mohamed Adil (2019). Peluang dan Cabaran Sukuk Hijau. Royal Chulan, Kuala Lumpur.

[3] Mushtak Parker (2017). Malaysia's Green Sukuk Going Places.

[4] "Kedah lancar Pelan Induk Tenaga Hijau dan Tenaga Boleh Diperbaharu" Dlm BERNAMA | 22 Julai 2019.

[5] Mohammad Mahbubi (2018). Malaysia's Green Sukuk.

[6] Niam Seet Wei Dan Harizah Hanim Mohhamed. "Malaysia Boleh Manfaatkan Pelabur Sukuk di UK Dengan Dasar Sesuai-Datuk Bandar" Dlm BERNAMA, 21 Julai 2019.

[7] Ayisy Yusof. "Malaysia's Green Islamic Sukuk Funds Green Tech Projects" Dlm New Strait Times, 25 Oktober 2017.

[8] RAM Rating Report, 2019.